



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PELANCARAN DANA UJI BELI MySTI DAN DANA MUDAHCARA MySTI

Memperkuuhkan Pengkomersialan R&D Tempatan ke Arah Malaysia Berteknologi Tinggi
Menjelang 2030

PUTRAJAYA, 11 Disember 2024 – Yang Berhormat Dato’ Haji Mohammad Yusof Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), hari ini melancarkan **Dana Uji Beli MySTI (DUB)** dan **Dana Mudahcara MySTI (DMM)**.

DUB dan **DMM** merupakan kerjasama MOSTI dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC). Pelancaran ini menandakan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkuuhkan inovasi tempatan dan memastikan produk hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) Malaysia diiktiraf dan dimartabatkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Menyokong Inovasi Tempatan Melalui Perolehan Kerajaan

DUB dan **DMM** adalah sebahagian daripada program **MySTI**, yang mempercepatkan penerimaan produk dan perkhidmatan R&D tempatan di pasaran melalui perolehan Kerajaan. Inisiatif ini menjadikan Kerajaan sebagai pengguna pertama teknologi tempatan, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada teknologi luar dan meningkatkan kedaulatan teknologi negara.

DUB menawarkan pembiayaan sehingga RM100,000 untuk pengujian produk MySTI oleh kementerian dan agensi Kerajaan, yang memberi peluang kepada syarikat tempatan membuktikan produk mereka setanding atau lebih baik ketimbang produk import. DMM pula menyediakan pembiayaan sehingga RM500,000 bagi projek yang telah menerima pesanan pembelian Kerajaan, membantu syarikat meningkatkan skala pengeluaran dan daya saing.

Program MySTI

Program Penggunaan Barang dan Perkhidmatan Hasil R&D Tempatan (MySTI) dalam Perolehan Kerajaan adalah salah satu usaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Kementerian Kewangan. Program ini telah dilancarkan pada Jun 2023 dan sedang dijalankan secara rintis sehingga Mei 2025. Barang dan perkhidmatan dengan logo MySTI diberikan keutamaan dalam perolehan Kerajaan.

MOSTI melalui Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) berperanan dalam penandaan logo MySTI dengan mengenal pasti produk hasil R&D tempatan yang telah dikomersialkan. Setakat hari ini, sebanyak 288 barang dan perkhidmatan hasil R&D tempatan telah berjaya ditandakan dengan logo MySTI daripada 491 permohonan yang diterima. Produk/perkhidmatan yang diluluskan telah disenaraikan dalam Inventori MySTI di portal www.mysti.gov.my yang mana pendaftaran kepada program ini adalah percuma. Semua produk MySTI telah disahkan melepas proses pengujian yang ditetapkan serta mematuhi segala peraturan dan piawaian yang berkuatkuasa.

Mendorong Ekonomi dan Teknologi Tempatan

Menurut YB Mohammad Yusof Apdal, “Inisiatif ini bukan sahaja akan memacu pertumbuhan ekonomi negara tetapi juga akan merangsang penciptaan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi kepada graduan STEM tempatan dan merupakan satu langkah penting dalam membina ekosistem dan daya tahan ekonomi negara dengan memperkuatkan industri berdasarkan teknologi di negara ini. Sokongan kewangan melalui DUB dan DMM adalah langkah strategik ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara pengeluar teknologi menjelang tahun 2030.”

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MTDC, Ts. Hj. Mohammad Hazani Hj. Hassan, menegaskan peranan MTDC sebagai Perunding Teknologi, sekretariat, dan pengurus kedua-dua dana ini. “MTDC turut memudahkan rundingan antara syarikat tempatan dan agensi kerajaan untuk memastikan produk MySTI mematuhi piawaian dan sedia dikomersialkan,” jelas beliau.

YAB Perdana Menteri telah menzahirkan sokongan padu terhadap program MySTI sebagai sebuah inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan kadar pengkomersialan barang dan perkhidmatan hasil R&D tempatan di pasaran dalam dan luar negara semasa mempengerusikan mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) pada 4 Disember 2024. Perkara ini sekali lagi ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri semasa mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negara (MTPN) agar pelaksanaan program ini disegerakan dan dipermudahkan pelaksanaannya.

Manfaat Besar untuk PKS dan Syarikat Pemula

Produk MySTI yang berjaya dipersijilkan bukan sahaja diutamakan dalam perolehan Kerajaan, malah mendapat akses kepada khidmat nasihat, latihan, dan pembiayaan untuk bersaing di pasaran tempatan dan global. Pelancaran ini dijangka memberi manfaat besar kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta syarikat pemula yang sering berhadapan kekangan kewangan.

Majlis pelancaran yang dihadiri oleh wakil Kerajaan, industri, institusi penyelidikan, dan usahawan tempatan ini mengukuhkan aspirasi Malaysia untuk menjadi hab teknologi serantau, selari dengan usaha mengurangkan kebergantungan kepada teknologi luar.

Untuk maklumat lanjut mengenai Dana Uji Beli MySTI dan Dana Mudahcara MySTI, serta cara syarikat tempatan boleh memanfaatkan peluang ini, sila layari laman sesawang rasmi MTDC di www.mtdc.com.my

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
11 DISEMBER 2024**



Tentang Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)

Ditubuhkan pada Mac 1992, Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (MTDC) adalah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad, yang memfokuskan kepada pelaburan teknologi, pembangunan kapasiti, dan perkhidmatan nasihat untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). MTDC komited untuk memacu pertumbuhan Malaysia sebagai pelabur strategik dan penggerak teknologi mendalam (Deep Tech). Misi kami adalah untuk menyokong dan memperkasakan syarikat-syarikat Malaysia yang berdasarkan teknologi melalui pelbagai perkhidmatan bersepadu:

1. **Pelaburan Strategik dan Pembiayaan:** MTDC menawarkan pelbagai dana termasuk Dana Perniagaan Permulaan (BSF), Dana Pertumbuhan Perniagaan (BGF), dan Dana Pembangunan Teknologi Halal (HTDF) untuk merangsang inovasi dan menyokong PKS dari peringkat awal hingga pertumbuhan.
2. **MTDC's Centre of 9 Pillars® (Co9P®):** Ruang inovatif yang menyediakan solusi Industri 4.0 terkini, membantu syarikat tempatan menavigasi landskap teknologi dan kekal kompetitif di peringkat global.
3. **Akademi Latihan Usahawan Teknologi (TENTRA):** MTDC membangunkan usahawan teknologi yang berkemahiran melalui program pembangunan kapasiti yang meningkatkan pengetahuan teknikal dan kemahiran sosial.
4. **Pusat Teknologi:** Pusat Teknologi MTDC di seluruh Malaysia berfungsi sebagai ekosistem dinamik di mana syarikat berdasarkan teknologi boleh berkembang dan berkolaborasi, menawarkan infrastruktur dan sokongan yang komprehensif.
5. **Perkhidmatan Nasihat Perniagaan dan Teknologi:** MTDC menyediakan perkhidmatan konsultasi perniagaan dan nasihat teknologi, membimbing syarikat teknologi untuk memperluas operasi, mengkomersialkan inovasi, dan mencapai kejayaan jangka panjang.

Sebagai pemangkin pembangunan teknologi, MTDC terus memimpin inovasi dengan tumpuan kepada kolaborasi dan memastikan usaha teknologi memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi dan daya saing global Malaysia.

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

1. **Pn. Munirah Abdullah Sani** – Naib Presiden, Komunikasi Korporat, MTDC
+6019-2687887
munirah@mtdc.com.my
2. **Pn. Mariamah Hj. Daud** – Naib Presiden Eksekutif, Bahagian Strategi Korporat Kumpulan MTDC
+6012-2800216
mariamah@mtdc.com.my